



TEKS UCAPAN

YBHG DATO' HJ ZULKIPLY BIN RAMLI  
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM PEMANTAPAN KERJA BERPASUKAN  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT 2015

STADIUM UTAMA, UUM,SINTOK  
PADA 26 OGOS 2015, JAM 5 PETANG

---

1 | Page

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH  
SALAM 1MALAYSIA  
SALAM KEBAJIKAN

SALUTASI

YBrs Encik Md. Noor bin Chik  
Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah

Pengarah-pengarah Bahagian  
Pengarah-pengarah Negeri  
Wakil-wakil daripada Universiti Utara Malaysia;  
Warga JKM yang dihormati sekalian

---

2 | Page

Terlebih dahulu Alhamdulillah saya panjatkan kepada Allah S.W.T kerana pada hari ini dapat kita sama-sama berkumpul di Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada JKM Negeri Kedah kerana telah merealisasikan penganjuran Program Pemantapan Kerja Berpasukan untuk semua warga JKM di seluruh Negara pada tahun ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua negeri yang memberi komitmen dan

---

3 | Page

sokongan yang hebat dalam penyertaan program ini walaupun dihimpit kesibukan tugas masing-masing.

Dato-dato/Tuan-tuan /puan-puan,

Untuk makluman, Program Pemantapan Kerja Berpasukan ini telah dirancang khusus sebagai satu kaedah bagi memantapkan lagi prestasi kakitangan JKM. Dalam program

---

4 | Page

ini, kita telah merangka beberapa aktiviti yang memberi penekanan kepada aspek kebertanggungjawaban, semangat juang yang tinggi di samping pengukuhan budaya kerja berpasukan serta cintakan Jabatan. Aktiviti-aktiviti yang dirangka ini adalah bertepatan dengan tujuan dan matlamat program ini iaitu sebagai wadah untuk memantapkan semangat bekerja, berpasukan dan berkebajikan.

---

5 | P a g e

Di dalam program ini, kita telah merangkumkan beberapa aktiviti yang terdiri daripada sesi ceramah, latihan dan aktiviti di padang bagi menggarapkan pemantapan jati diri dari segi fizikal, mental, emosi dan ‘*spiritual*’ serta rohani di dalam diri warga JKM. Di dalam mendepani persekitaran budaya kerja yang serba mencabar dan ekspektasi pelanggan yang tinggi, pengukuhan jati diri dari aspek fizikal, mental, emosi dan rohani ini amat perlu dalam diri setiap warga JKM agar dapat

---

6 | P a g e

memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan berkesan. Dengan berpaksikan konsep Strategi Lautan Biru atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), seluruh warga kerja JKM akan bertindak secara ‘seamless’ dan bergerak sebagai satu pasukan. Malah dapat kita lihat melalui pelaksanaan UTC (Pusat Transformasi Bandar) dan RTC (Pusat Transformasi Luar Bandar) yang menghimpunkan Pusat Perkhidmatan Kerajaan secara sehati yang

---

7 | Page

mengambarkan bahawa semua operasi adalah bekerja secara semangat berpasukan dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkesan kepada masyarakat atau pelanggan. Itu juga menunjukkan bahawa cara bekerja secara bersendirian atau ‘In silo’ sudah berlalu. Prinsip memberi perkhidmatan berasaskan perkongsian dan kerjasama perlu dipegang kuat oleh setiap pekerja dalam JKM.

---

8 | Page

Pemikiran ‘All for one’ and ‘one for all’ ataupun seperti pepatah melayu yang mengatakan “Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat” akan memupuk persefahaman yang kukuh dan teguh dalam jati diri warga JKM yang cuba diterapkan dalam Program Pemantapan Kerja Berpasukan ini. Saya bagi pihak pengurusan tertinggi dalam JKM akan memastikan komitmen kami dalam menyokong program sebegini akan diutamakan. Kita bersedia untuk

---

9 | Page

membantu sama ada dari segi kewangan, kepakaran dan nasihat serta bimbingan kepada seluruh kakitangan dan warga Jabatan.

Dato-dato/Tuan-tuan/Puan-puan

Dalam mencari kaedah baru bagi menghadapi cabaran dalam penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus, amanah dan

---

10 | Page

berkesan, saya menyeru agar pihak tuan/puan semua dapat memberi tumpuan yang penuh dalam program ini agar masa yang digunakan untuk hadir ke sini di samping kos yang diperuntukkan tidak di sia-sia kan.

Program ini juga dilaksanakan sebagai satu landasan yang boleh digunakan untuk memupuk dan menyuburkan perpaduan melalui kerjasama berpasukan di dalam aktiviti

---

11 | Page

padang dan sukan yang terkandung sebagai salah satu modul aktiviti ini. Dengan minda yang sihat ini sudah tentu akan dapat meningkatkan produktiviti serta kualiti dalam menjalankan kerja serta tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Harapan saya semoga program kita di UUM yang bermula petang ini dan akan berkampung selama empat hari sehingga

---

12 | Page

29 Ogos 2015 bakal menjadi satu program yang dapat mencapai objektif dengan jayanya. Dengan jumlah penyertaan peserta sebanyak 1500 orang, adalah menjadi harapan agar tuan/puan dapat menerapkan nilai-nilai positif melalui program ini untuk di bawa balik ke tempat kerja masing-masing dan mengimplementasikannya. Impak-impak positif ini diharapkan juga dapat dan mampu meningkatkan kecemerlangan organisasi kita yang tercinta.

---

13 | Page

Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim maka dengan ini saya merasmikan Program Pemantapan Kerja Berpasukan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia Tahun 2015.

Sekian, terima kasih.

---

14 | Page